

# Nasihat PM kepada komponen BN

# Amalkan sikap

PH 30 SEP 1989

# tolak ansur

Oleh LICHONG ANGKUI dan DAUD HAJIAWANG

KOTA KINABALU, Jumaat — Masalah dalaman yang dihadapi oleh **parti-parti** politik dapat diatasi jika **wujud** kesabaran, kesederhanaan dan sikap tolak ansur di kalangan semua **pihak**, kata Pengerusi BN, Datuk Seri Dr **Mahathir Mohamad**.

Menurut Perdana Menteri, **parti** komponen BN **juga** harus mempunyai fikiran terbuka untuk menghadapi sebarang **masalah** **parti** yang timbul dari semasa ke semasa.

"Sudah terbukti bahawa masa dan kepemimpinan yang kukuh dalam satu-satu **parti** komponen akhirnya dapat mengatasi **masa** **in h** dalaman yang dihadapi.

"Umno **juga** beberapa kali menghadapi masalah dalaman tetapi kerana wujudnya kesabaran, kesederhanaan dan sikap tolak ansur oleh semua **pihak**, akhirnya masalah yang dihadapi dapat diatasi," katanya.

Berucap merasmikan perhimpunan Agung tahunan ke-4 Parti Bersatu Sabah (PBS) di sini hari ini, Datuk Seri Dr **Mahathir** berkata, kerjasama antara **parti** komponen BN akan mngurangkan peluang **parti** pembangkang mencelah.

Selain daripada itu, katanya, kestabilan dan kekukuhan kerajaan tidak akan terdedah kepada pelbagai ancaman.

Beliau berkata, walaupun timbul masalah dalaman di kalangan satu atau dua **parti** komponen BN pada sesuatu masa, RN pada umumnya kukuh kerana pada masa yang sama **parti** komponen lain dalam keadaan kukuh dan stabil.

"Saya amat bangga kerana dalam keadaan ini pun, Sabah dapat dibangunkan dengan pesat. Kerajaan Persekutuan tetap akan memberi perhatian kepada pembangunan Sabah dan menolong mengatasi masalah yang dihadapi oleh negeri ini,

## ● PAIRIN BERPANTUN — Muka 2

termasuk masalah pendatang haram," katanya.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, negara memerlukan perpaduan yang kukuh untuk terus maju dan mencapai pembangunan yang lebih pesat lagi.

"Tidak ada sebuah negara pun yang dapat membangun dengan baik jika wujud keadaan kacau-bilau dan pertelingkahan sesama sendiri. Oleh itu, semua institusi dan lapisan rakyat hendaklah memajukan pertumbuhan ekonomi yang baik tidak terganggu," katanya.

Beliau yang juga Presiden Umno berkata, pembabitan seseorang dalam politik hendaklah bertujuan membawa kebahagiaan kepada rakyat dan negara.

Menurutnya, kuasa politik bukanlah untuk memenuhi cita-cita besar diri sendiri.